




**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran MPPD, Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB dan Sijil Suruhanjaya Tenaga (bagi kerja elektrik) yang ASAL dan disahkan melalui Kad Pengenalan layak menghadiri taklimat (wakil tidak dibenarkan).** Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh tutup sebut harga.
3. **Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat bagi pembelian dokumen. KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.**
4. **Kontraktor WAJIB mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa menghadiri taklimat dan berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.**
5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD.** Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
7. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.

8. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
9. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB dan Suruhanjaya Tenaga (bagi kerja elektrik) di bawah Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran**

Tandatangan : 

Nama Pegawai : MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA
..... Yang Dipertua
..... Majlis Perbandaran Port Dickson

Jawatan :

Tarikh : 19 Ogos 2022

LAMPIRAN

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
S0104/22 RM 50.00	Cadangan Menurap Semula Lorong Belakang Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman Indah Baru Lukut, Port Dickson.	<p align="center"><u>G1</u></p> <p align="center">Kategori CE</p> <p align="center">Pengkhususan CE01 & CE21</p>	<p align="center">Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson</p> <p align="center">Tarikh: 29.08.2022</p> <p align="center">Hingga 06.09.2022</p>	<p align="center">Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson</p> <p align="center">Tarikh : 06.09.2022</p> <p align="center">*Jam 12.00 t/hari</p>
S0105/22 RM 50.00	Cadangan Menurap Semula Lorong Belakang Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Bandar Baru Lukut, Port Dickson.			
S0106/22 RM 50.00	Cadangan Menurap Semula Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kg Sri Parit, Port Dickson.			
S0107/22 RM 50.00	Cadangan Menurap Semula Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Wellness Walk Telok Kemang, Port Dickson.			
S0108/22 RM 50.00	Cadangan Menurap Semula Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Masuk Ke Sunrise Village Resort, Telok Kemang, Port Dickson.			
S0110/22 RM 50.00	Cadangan Menurap Semula Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman Tanjung Fasa 2, Port Dickson.			
S0118/22 RM 50.00	Penyelenggaraan Pokok Ameniti (Pokok Teduhan) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Medan Selera Sri Purnama, Jalan PD Marina, Tapak Parkir Pasar Linggi, Jalan Pantai BT4 Dan Jalan Pantai Bagan Pinang, Port Dickson.	<p align="center"><u>G1</u></p> <p align="center">Kategori CE</p> <p align="center">Pengkhususan CE14</p>		
S0119/22 RM 50.00	Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak Di Kampung Telok, Pasir Panjang Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.			
S0120/22 RM 50.00	Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak Di Taman Sri Lukut Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.			

S0109/22 RM 50.00	Cadangan Menaiktaraf Tangki Air Di Kuarters MPPD Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.	G1 Kategori B & CE		
S0111/22 RM 50.00	Projek Pembangunan Insfrastruktur Pelancongan Di Pantai Tanjong Gemok (Sanctuary Beach), Port Dickson.	Pengkhususan B04 & CE21	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson
S0112/22 RM 50.00	Cadangan Kerja Pembaikan Kabel Dalam Tiang Dan Relamping Lampu Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Pantai Peranginan Telok Kemang, Port Dickson.	G1	Tarikh: 29.08.2022	Tarikh : 06.09.2022
S0113/22 RM 50.00	Pembaikan Lampu Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Medan Selera Sri Purnama, Port Dickson.	Kategori ME Pengkhususan E11	Hingga 06.09.2022	*Jam 12.00 t/hari
S0114/22 RM 50.00	Cadangan Kerja Pembaikan Kabel Dalam Tiang Dan Relamping Lampu Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman Bayan, Port Dickson.			

Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 29 Ogos 2022 (Isnin) jam 9.00 pagi. Taklimat bermula jam 09.15 pagi.

Menghadiri taklimat adalah WAJIB untuk semua Sebut Harga.

Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-

ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)

8.30 PAGI HINGGA 3.00 PETANG